

SHAH ALAM, 3 SEPT. (BERNAMA) -- KERAJAAN BERHARAP PENGGUNAAN BAHAN-BAHAN MENTAH TEMPATAN DALAM PERINDUSTRIAN DAPAT DITINGKATKAN LAGI DAN PELUANG-PELUANG PEKERJAAN BAGI PEKERJA-PEKERJA MAHIR DAPAT DIPERLUASKAN MELALUI PUSAT TEKNOLOGI PERINDUSTRIAN LOGAM (MITEX), DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI.

BERUCAP MERASMIKAN PEMBUKAAN MITEX DI SINI, PERDANA MENTERI BERKATA KERAJAAN JUGA BERHARAP PUSAT ITU DAPAT MENUMPUKAN USAHA-USAHANYA BAGI PERGIATKAN LAGI PEMINDAHAN TEKNOLOGI DALAM BIDANG PERLOGAMAN KEPADA USAHAWAN-USAHAWAN BUMIPUTERA, TERUTAMA SEKALI PENGUSAHA-PENGUSAHA KECIL YANG MENGELUARKAN BARANG-BARANG TRADISIONAL.

KATANYA, KAJIAN-KAJIAN MENGENAI PERINDUSTRIAN LOGAM DI NEGARA INI MENUNJUKKAN BAHWA TARAF TEKNOLOGI BAGI SEKTOR INI ADALAH RENDAH DAN KEMAMPUAN PENGELUARANNYA TERHAD.

KEBANYAKAN FIRMA-FIRMA BUMIPUTERA YANG WUJUD, TAMBAHNYA HANYA TERTUMPU KEPADA KERJA-KERJA KIMPALAN UNTUK MENGELUARKAN BARANG-BARANG SEPERTI PINTU BESI DAN TANGKI AIR DAN TIDAK ADA YANG MENYERTAI BIDANG-BIDANG YANG LEBIH SOFISTIKATED SEPERTI LAPANGAN MEMBUAT ACUAN DAN KERJATEKAD. -- BERSAMBUNG 131U/SZ

B528

MAHATHIR-MITEX 2 SHAH ALAM

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA PENYERTAAN DAN KEMAJUAN PENGUSAHA-PENGUSAHA BUMIPUTERA DALAM BIDANG-BIDANG BARU INI PERLU DIGALAKKAN SUPAYA PERSEIMBANGAN YANG DIKEHENDAKI OLEH DASAR EKONOMI BARU DAPAT DICAPAI.

BELIAU JUGA MERASAKAN PENUBUHAN MITEX BOLEH MENGUKUHKAN INDUSTRI ASAS TEMPATAN SUPAYA DAPAT MENGHASILKAN BARANGAN BERMUTU DENGAN HARGA YANG SETANDING BAGI MEMBANTU PENUBUHAN INDUSTRI BESAR DAN BERAT.

KATANYA, KAJIAN MENUNJUKKAN BAHAWA BAHAN-BAHAN PENGELUARAN YANG DIPERLUKAN OLEH FIRMA-FIRMA BESAR BELUM LAGI DIMAJUKAN.

+INDUSTRI TEMPATAN KITA SEPATUTNYA BERKEUPAYAAN MENGHASILKAN KELUARAN-KELUARAN YANG BERMUTU BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KILANG-KILANG BESAR DENGAN MEMBEKALKAN KOMPONEN-KOMPONEN YANG SETANDING MUTUNYA DENGAN KOMPONEN-KOMPONEN YANG DIIMPORT,+ KATANYA.

KEADAAN INI JELAS TERDAPAT DALAM INDUSTRI PEMASANGAN KERETA YANG BIASANYA, KILANG-KILANG ANTARABANGSA MENGIMPORT KEBANYAKAN BAHAN-BAHAN KOMPONEN DARIPADA SYARIKAT-SYARIKAT INDUK MEREKA DI LUAR NEGERI. — BERSAMBUNG 1313/SZ

B535

MAHATHIR-MITEC 3 SHAH ALAM

BAGAIMANAPUN KATANYA LAGI PERANAN INDUSTRI TEMPATAN TIDAK SEHARUSNYA TERBATAS KEPADA PERANAN MENYOKONG INDUSTRI-INDUSTRI BESAR SAHAJA MALAHAN, DALAM MASA YANG SINGKAT, HENDAKLAH BERKEUPAYAAN UNTUK MENGEKSPORT BARANG-BARANG BUATAN MALAYSIA DENGAN CARA BESAR-BESARAN.

BAGI MENCAPAI TUJUAN INI, SIRIM DAN LAIN-LAIN AGE SEPERTINYA HENDAKLAH MENGATUR PROGRAM PEMINDAHAN TEKNOLOGI YANG BERKESAN UNTUK MENINGKATKAN TARAF TEKNOLOGI INDUSTRI-INDUSTRI TEMPATAN, KATANYA.

PERDANA MENTERI BERKATA SEKTOR PEMBUATAN MERUPAKAN SALAH SATU SEKTOR EKONOMI NEGARA YANG MENUNJUKKAN KADAR PERKEMBANGAN TAHUNAN YANG PALING TINGGI.

DENGAN KEMAJUAN SEKTOR PEMBUATAN, DAN PEMBANGUNAN PERINDUSTRIAN KESELURUHANNYA, NEGARA MEMERLUKAN BERBAGAI-BERBAGAI JENIS TENAGA MAHIR DENGAN BANYAKNYA.

OLEH ITU, KATANYA, ADALAH PENTING MENGADA DAN MENINGKATKAN LAGI PERKHIDMATAN TKNIKAL DAN LAIN-LAIN KEMUDAHAN BAGI MENJAMIN PEMBANGUNAN PUSAT SEKTOR INI.

PENUBUHAN MITEX DAPAT MEMBANTU MELENGKAPKAN LAGI INFRASTRUKTUR TEKNIK BAGI KKEPERLUAN PEMBANGUNAN PERINDUSTRIAN, KATANYA. — BERNAMA 1330/SZ